

SUHAKAM gesa siasat polis salah guna senjata

S.H 30/06/08 M/S 12

Anggota polis itu juga perlu disiasat kerana menyalahguna kuasanya di luar waktu tugasan dengan bertindak menembak seorang lelaki.

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) meminta polis segera menyiasat tindakan seorang detektif yang menembak pelajar lelaki berusia 23 tahun pada satu majlis perkahwinan di Dewan Kompleks Sukan Tasik Desa Baiduri, Sungai Besi di sini, malam kelmarin.

Pesuruhjayanya, Datuk N. Siva Subramaniam berkata, anggota polis itu juga perlu disiasat kerana menyalahguna kuasanya di luar waktu tugasan dengan

bertindak menembak lelaki berkenaan, R Mohan.

“Ini masalah keluarga, pihak polis tidak sepatutnya melepaskan tembakan. Mereka sepatutnya mencari inisiatif lain untuk menyelesaikan masalah itu,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata, anggota polis itu sepatutnya melepaskan tembakan amaran ke udara sebelum menembak mana-mana individu.

“Jika terpaksa sekalipun, polis boleh tembak di kaki. Ini telah bercanggah dengan etika penggunaan senjata api,” katanya.

Seorang anggota keluarga mangsa, G Murali, 35, yang juga abang ipar pengantin perempuan menafikan laporan

akhbar yang menyebut anggota keluarganya membawa senjata dan menyerang tetamu pada majlis perkahwinan itu.

Beliau berkata keluarga pengantin perempuan sebenarnya tidak merestui perkahwinan itu.

Murali juga mendakwa enam anggota polis bantuan dan seorang detektif turut hadir pada majlis itu.

Beliau berkata Mohan bakal melanjutkan pelajaran dalam bidang Aeroangkasa di London bulan depan dan menjadi harapan keluarga.

Dalam kejadian pukul 7.50 malam itu, mangsa ditembak seorang detektif di kepalanya kerana didakwa menyerang dan mencederakan tetamu yang hadir pada majlis itu. - BERNAMA